


Adakah Papan Tanda dan label anda mengelirukan ?

March 2013

Gambar di sebelah kanan, adalah dari pertandingan "Mencari Masalah" Beacon bagi bulan November 2012 , menunjukkan sekumpulan pam yang kelihatan sama. Didalam gambar, mereka tidak dilabelkan dalam apa-apa cara yang boleh dilihat. Jika anda telah diberitahu bahawa salah satu pam telah disediakan untuk kerja-kerja mekanikal, bagaimana anda akan memastikan anda bekerja di pam yang betul?

Kekurangan pelabelan boleh menjadi masalah keselamatan, label dan papan tanda maklumat yang tidak jelas boleh mengelirukan dan menjadi lebih teruk lagi. Gambar di bawah adalah contoh label atau tanda-tanda mengelirukan yang diambil dari loji proses dan kehidupan sehari-hari. Adakah anda mempunyai papan tanda atau label yang mengelirukan dalam loji anda?



Label yang mirip mengakibatkan pemunggahan bahan yang salah ke dalam tangki simpanan. Tindak balas kimia yang berlaku menyebabkan pelepaskan gas toksik yang telah mencederakan 6 orang. Iihat Beacon April 2012.



Apa yang boleh anda lakukan?

- ➔ Cari peralatan tidak berlabel, kehilangan label, atau label rosak yang tidak boleh dibaca. Perbaiki label yang rosak jika anda mampu , atau laporkan kepada seseorang yang boleh menyelesaikan masalah ini.
- ➔ Cari papan tanda atau label –label yang mengelirukan, seperti beberapa contoh yang ada didalam gambar, dan perbetulkan label tersebut.
- ➔ Pastikan label dan tanda pengenalan peralatan di dalam loji adalah sama seperti pengenalan yang digunakan dalam prosedur operasi, prosedur penyelenggaraan, prosedur kecemasan, dan lain-lain dokumen loji.
- ➔ Jangan mewujudkan kekeliruan dengan mengubahsuai label menggunakan nota bertulis tangan atau lain-lain label sementara. Jika label perlu diperbetulkan, gunakan label yang sempurna, dan pertimbangkan untuk melakukan kajian terhadap pengurusan perubahan.
- ➔ Haruslah konsisten dalam menggunakan nama atau akronim bagi bahan kimia dalam logi anda. Sebagai contoh, "MMA" boleh bermaksud "metil metakrilat" dalam satu kilang, "Monomethylamine" dalam kilang lain, dan mungkin sesuatu yang sama sekali berbeza dalam kilang yang lain. Sentiasa gunakan nama kimia yang betul untuk semua bahan. Pastikan bahawa semua orang dalam loji anda tahu apa makna label yang digunakan !



Gunakan label dan papan tanda yang jelas untuk keselamatan!